

# Sindiket curi pasir di Selangor kaut pendapatan RM10 juta?

LAPORAN  
KHAS



**MUKADIMAH** INDUSTRI perlombongan pasir sentiasa dianggap sebagai lubuk yang dapat menjana keuntungan segera ekoran peningkatan berterusan daripada industri-industri berkaitan khususnya sektor pembinaan.

Maka, atas faktor keuntungan tersebut, wujudlah pelbagai dakwaan yang mengaitkan aktiviti itu yang dijalankan secara tidak sah termasuklah mencerooboh tanah rakyat yang dikatakan semakin berleluasa di Selangor meskipun prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti menjadi laungan pentadbiran negeri ini.

Ekoran faktor keuntungan itu, wartawan *UTUSAN MALAYSIA* berusaha meneliti dan meninjau aktiviti sebuah syarikat perlombongan persendirian yang didakwa terlibat dalam aktiviti melombong pasir secara haram dan pencerobohan tanah di Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat yang dikatakan aktif sejak tahun lalu.

**■ KUALA LANGAT 24 JULAI**

**S**LOGAN integriti, keterbukaan dan ketelusan yang sering di-laung-laungkan oleh kerajaan PKR Selangor seolah-olah hanyalah satu omongan kosong apabila pentadbirannya didakwa bersekongkol menjalankan kegiatan 'rompak' pasir terbuka secara besar-besaran di kawasan Rancangan Tanah Belia (RTB) Bukit Changgang, Mukim Tanjung Dua Belas di sini, sejak setahun lalu.

Selain mengambil sikap 'tutup mata' di sebalik kerugian hasil pasir dianggarkan bernilai jutaan ringgit, mereka juga didakwa memberi keistimewaan kepada sebuah syarikat kontraktor perlombongan pasir milik persendirian menjalankan kegiatan haram di atas tanah milik kerajaan negeri.

Kegiatan itu dikatakan mengaut keuntungan berlipat kali ganda dengan bantuan salah sebuah anak syarikat kerajaan negeri yang sepatutnya dipertanggungjawabkan mengurus serta memantau industri pasir di Selangor.

*Utusan Malaysia* difahamkan, nilai pasaran semasa pasir yang dilombong secara haram di atas tanah milik kerajaan negeri itu sehingga kini dianggarkan berjumlah RM10 juta berdasarkan harga jualan semasa RM35 bagi setiap tan metrik.

Berdasarkan maklumat daripada sumber, aktiviti rompak pasir secara haram itu mula dikesan dan dilaporkan oleh penduduk kampung berkenaan hujung tahun lalu apabila syarikat kontraktor perlombongan pasir terbabit mencerooboh tanah tanaman mereka.

Beliau juga mendakwa, walau-

pun sudah banyak kali laporan dibangkitkan sebelum ini oleh penduduk kampung, tiada sebarang tindakan susulan tegas oleh Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Kuala Langat termasuk oleh anak syarikat kerajaan negeri berkenaan terhadap syarikat kontraktor terbabit.

"Syarikat kontraktor terbabit seolah-olah terlalu kebal daripada sebarang tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa dan dipercayai akibat amalan rasuah serta penyalahgunaan kuasa melibatkan pengurusan dalaman anak syarikat kerajaan negeri, PTD Kuala Langat serta kepimpinan tertinggi dalam kerajaan negeri," katanya yang enggan dikenali kepada *Utusan Malaysia*.

Malah, tinjauan di lokasi tanah yang didakwa diceroboh syarikat kontraktor terbabit mendapati melibatkan Lot 15070 Mukim Tanjung Dua Belas berhampiran Kampung RTB Bukit Changgang yang mana terletak bersebelahan lot tanah persendirian yang men-

dapat permit sah perlombongan pasir oleh kerajaan negeri kepada syarikat kontraktor yang sama.

Lokasi terbabit didapati masih lagi aktif dengan kerja-kerja mengorek pasir menggunakan jengkaut selain terdapat pergerakan lori-lori dipercayai membawa muatan pasir keluar yang terletak kurang 50 meter dari tebing Sungai Langat serta bersebelahan dengan lebih raya dan Plaza Tol KLIA.

Kata sumber itu lagi, syarikat kontraktor terbabit secara terang-terangan melakukan kesalahan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 yang disahkan menjalankan kerja-kerja pengorekan pasir di luar kawasan sempadan dibenarkan. Selain mencerooboh tanah milik kerajaan negeri, syarikat kontraktor terbabit didapati turut melanggar Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Enakmen Lembaga Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999 apabila beroperasi di kawasan zon pemampasan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta zon pemampasan LUAS



Mereka (syarikat kontraktor) membawa keluar muatan pasir haram dari tanah milik kerajaan yang dicerobohi biasanya pada waktu malam bagi mengaburi mata pihak berkuasa."

## SUMBER

dari tebing Sungai Langat.

Malah, sumber itu turut memberitahu, syarikat kontraktor terbabit sebelum ini dilaporkan beroperasi secara haram pada waktu malam sebagai modus operandi mereka bagi mengelak perhatian dan dikesan oleh pihak-pihak tertentu.

"Mereka (syarikat kontraktor) membawa keluar muatan pasir haram dari tanah milik kerajaan yang dicerobohi biasanya pada waktu malam bagi mengaburi mata pihak berkuasa. Mereka dipercayai membawa keluar muatan pasir haram tanpa bayaran doket (royalti) daripada tanah kerajaan itu, kemudiannya melalui kawasan lombong mereka yang mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri.

"Taktik inilah yang dilakukan syarikat kontraktor terbabit selama ini dan dibiarkan begitu sahaja oleh pihak berwajib," jelasnya lagi.

Tambah sumber, lombong terbabit pernah beberapa kali diserbu pihak berkuasa termasuklah disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tetapi masih juga kebal daripada segala tindakan undang-undang dengan menjalankan aktiviti haram di luar kawasan selepas itu.



KERJA-kerja melombong pasir di kawasan tanah dipercayai milik kerajaan Selangor di Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat baru-baru ini.